

## Pembelajaran Melalui Aktiviti Perniagaan di Kalangan Para Pelajar MDAB

Nor Hidayatun Abdul Razak<sup>1a\*</sup>, Suhanon Mohd Zaki<sup>1b</sup>, Mohd Aidil Riduan Awang Kader<sup>1c</sup>, Fadzlun Farhana Mazlan<sup>1d</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

<sup>a</sup>norhidayatun@uitm.edu.my; suhanom@pahang.uitm.edu.my; aidilriduan@pahang.uitm.edu.my;  
<sup>d</sup>fazlunfarhana@uitm.edu.my

\*Corresponding author

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana para pelajar dapat memahami konsep pengurusan melalui aktiviti perniagaan secara berkumpulan. Semua pelajar yang terlibat merupakan pelajar di peringkat pra diploma dalam bidang perdagangan seramai 155 pelajar. Selain itu, kajian ini turut bertujuan mengenalpasti kesan aktiviti kepada kemahiran insaniah para pelajar terlibat. Melalui maklumbalas secara bertulis yang diterima, aktiviti perniagaan secara berkumpulan ini banyak membantu pelajar meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi dan berhubung dengan orang lain. Maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Secara keseluruhannya, pembelajaran melalui aktiviti perniagaan berkumpulan dapat membantu pelajar memahami konsep pengurusan dengan lebih jelas dan meningkatkan kemahiran insaniah masing-masing.

**Kata Kunci:** Aktiviti Perniagaan, Kemahiran Insaniah, Keyakinan Diri, MDAB

### Pengenalan

Pengajaran merupakan satu proses yang terdiri daripada aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklumbalas yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Walau bagaimanapun, corak pengajaran sentiasa berubah mengikut perkembangan pendidikan semasa selaras dengan hasrat negara dan keberkesanan pengajaran harus diukur bagi memastikan hasil objektif pelajaran tercapai melalui proses pengajaran yang telah dilaksanakan (Shahabudin, 2003). Secara umumnya, terdapat dua kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu tradisional dan moden. Kaedah tradisional adalah berkenaan dengan pengetahuan disampaikan oleh tenaga pengajar di dalam bilik kuliah yang melibatkan penggunaan buku teks dan hanya menggunakan papan hitam sahaja (Mohd Razali, 2015). Kaedah ini adalah dalam kategori pembelajaran berpusatkan guru di mana guru hanya memberikan maklumat dan pelajar pula hanya menerima apa yang telah disampaikan. Sekiranya kaedah ini sahaja yang digunakan secara berterusan, ia akan menyebabkan pelajar mudah bosan di dalam bilik kuliah (Jusoh & Ramli, 2011). Ini berbeza dengan kaedah moden di mana proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih aktif di mana pelajar melakukan pelbagai aktiviti termasuk memproses, mengguna dan membuat refleksi terhadap maklumat yang diberikan oleh guru di samping penggunaan aplikasi teknologi yang lebih canggih seperti komputer. Kaedah moden yang lainnya adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kendiri. Ia menggalakkan penglibatan pelajar dalam melakukan segala yang mereka inginkan bagi kemajuan diri mereka dan guru bertindak sebagai pemantau. Seterusnya pelajar akan melalui beberapa proses iaitu menganalisa keperluan, menghasilkan idea sendiri untuk mencapai objektif pembelajaran, memastikan bagaimana sesuatu pelajaran yang mereka pelajari itu boleh didapati dan seterusnya refleks kembali terhadap semua perkara yang telah diperolehi semasa proses pembelajaran dijalankan.

Di Universiti Teknologi MARA, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Selain daripada syarahan, pelajar dilibatkan secara aktif melalui tugas di dalam kumpulan, main peranan, simulasi dan sebagainya bagi memastikan proses pembelajaran di dalam bilik kuliah difahami dengan lebih mendalam melalui aktiviti praktikal. Sehubungan dengan itu, satu program jualan yang dikenali sebagai *MDAB Business Day* telah dijalankan di kalangan pelajar-pelajar Pra Diploma Perdagangan Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) UiTM Cawangan Pahang yang mendaftar kursus *Introduction to Business* (MGT 028) dan *Introduction to Accounting* (ACC030) seramai 303 orang. Selain untuk melengkapkan markah penilaian berterusan kursus ini, program ini juga bertujuan untuk memberikan latihan praktikal kepada para pelajar MDAB tentang pengurusan perniagaan secara kecil-kecilan di mana skop latihan merangkumi kandungan kursus MGT028 dan ACC030. Para pelajar dibahagikan mengikut kumpulan dan diselia oleh mentor-mentor yang merupakan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan yang terlibat secara langsung dalam penilaian pelajar. Akhirnya, diharapkan ianya dapat meningkatkan kemahiran

insaniah para pelajar yang terlibat sekaligus mencapai objektif penganjurannya. Kertas kerja ini disediakan berdasarkan kajian soal selidik yang bertujuan untuk mengkaji dua perkara iaitu; (1) mengkaji kefahaman konsep pengurusan melalui aktiviti perniagaan, (2) mengenalpasti kesan aktiviti perniagaan terhadap kemahiran insaniah para pelajar.

### Kajian Lepas

Aktiviti keusahawanan yang dijalankan di peringkat universiti, kolej mahupun sekolah adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana para pelajar memahami dan mempraktikkan teori dan konsep pengurusan yang diajar di dalam kelas. Ini seterusnya dapat meningkatkan lagi pemahaman para pelajar melalui aktiviti yang dijalankan khususnya tentang mendalamai ilmu perniagaan, memberi pendedahan di dalam dunia perniagaan sebenar, memupuk minat pelajar berniaga dan memberi pengalaman praktikal serta pendedahan keusahawanan kepada para pelajar.

#### ***Hubungan Antara Aktiviti Keusahawanan dan Memahami Konsep Pengurusan***

Banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan aktiviti keusahawanan atau perniagaan dan hubungannya dengan meningkatkan pemahaman mengenai konsep pengurusan dan perniagaan. Kajian oleh Frederick (2014) mendapat penglibatan pelajar secara langsung di dalam aktiviti sebenar dapat meningkatkan pemahaman dalam subjek yang dipelajari selain daripada meningkatkan tahap pemikiran, emosi dan menjadikan pelajar lebih berdisiplin. Selain itu, Atara et al. (2000) mengkaji keberkesanan pembelajaran secara aktif atau praktikal (*active learning*) pelajar universiti di Hong Kong. Mereka mendapat pelajar lebih memahami dan berupaya mengaplikasikan teori dan konsep yang mereka pelajari di dalam kelas melalui aktiviti yang dijalankan. Chiu dan Cheng (2017) juga mendapat pembelajaran secara praktikal memberi kesan yang positif terhadap kreativiti dan inovasi pelajar serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh Sivan et al. (2000) yang membuktikan pembelajaran secara aktif atau praktikal membolehkan para pelajar mempraktikkan apa yang dipelajari di dalam kelas secara lebih berkesan. Heather dan Robin (2017) membuat penyelidikan terhadap pelajar Diploma di United Kingdom yang mengambil subjek keusahawanan. Mereka mendapat kaedah pembelajaran yang menggabungkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan kaedah praktikal dapat meningkatkan pemahaman terhadap subjek tersebut serta meningkatkan kemahiran keusahawanan. Tambalan pula, pembelajaran secara aktif atau praktikal boleh membantu meningkatkan minat dan penglibatan pelajar serta menukar proses pengajaran dan pembelajaran yang pasif kepada lebih aktif melalui pengalaman sebenar dalam mengaplikasikan konsep dan teori yang telah dipelajari di dalam kelas terutamanya bagi pelajar yang mengambil subjek pengurusan dan perniagaan (Prince, 2004; Synder, 2003).

#### ***Hubungan Antara Aktiviti Keusahawanan dan Kemahiran Insaniah***

Secara umumnya, kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) berkait rapat dengan penguasaan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan tujuh elemen penting berkaitan kemahiran insaniah untuk diperlakukan di pusat pengajian tinggi tempatan yang meliputi kemahiran berkomunikasi, pemikiran aras tinggi atau kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan (KPT, 2006). Banyak kajian yang telah dilakukan juga membuktikan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif atau praktikal mampu meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan para pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, berfikiran kreatif dan inovatif, meningkatkan keyakinan diri, berdisiplin dan bertanggungjawab serta kemahiran membuat keputusan (Badariah et al., 2016; Handy et al., 2015; Kim et al., 2013). Di samping itu, pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar harus dipupuk sejak di bangku sekolah untuk dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan dan keusahawanan serta memupuk sikap berdikari, yakin diri, semangat ingin tahu dan ingin mencuba, tidak mudah berputus asa dan keupayaan merancang dan membuat keputusan dengan betul (Abdul, 2012).

Dapatkan kajian oleh Badariah et al. (2016) juga menunjukkan bahawa aktiviti keusahawanan yang dijalankan di Universiti Utara Malaysia adalah berkesan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan para pelajar yang terlibat. Hasil kajian itu juga menunjukkan hubungan yang signifikan di antara perancangan perniagaan, kemahiran berfikir dan keyakinan diri dengan keberkesanan program yang dijalankan. Brown (1999) berpendapat kursus berkaitan keusahawanan perlu melibatkan pengajaran secara praktikal (*hands-on*). Ini secara tidak langsung boleh meningkatkan kemahiran berfikir berdasarkan pengalaman yang ditimba melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan. Deci dan Ryan (2000) juga membuktikan bahawa pengajaran dan

pembelajaran secara praktikal juga boleh menjadikan para pelajar merasai pengalaman sebenar, meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerjasama dalam kumpulan serta menjadikan pelajar lebih berdisiplin. Kim et al. (2013) juga mendapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara praktikal juga dapat meningkatkan daya pemikiran secara kritis oleh pelajar. Handy et al. (2015) juga mengkaji hubungan di antara aktiviti pembelajaran secara aktif atau praktikal terhadap pelajar yang mengambil kursus Perakaunan Pengurusan. Hasil kajian mendapati kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran berfikir aras tinggi, semangat kerjasama, komunikasi dan sifat kepimpinan yang lebih baik. Chynette (2005) turut mengkaji hubungan di antara pembelajaran secara aktif atau praktikal dengan peningkatan kemahiran insaniah para pelajar kolej yang mengambil kursus pengurusan. Hasil kajian menunjukkan kaedah pembelajaran ini dapat meningkatkan pemahaman terhadap kandungan kursus serta menggalakkan kemahiran berfikir secara kritis dan menyeluruh serta menggalakkan kerjasama di antara pelajar.

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian telah dilakukan berkaitan perbelajaran secara praktikal dan hubungannya dengan kemahiran insaniah. Suraiya et al. (2018) mengkaji sekumpulan pelajar Tingkatan 5 di sebuah sekolah di Negeri Sembilan dan mendapati aktiviti keusahawanan di sekolah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar mengenai perniagaan khususnya bagi mereka yang mengambil subjek Perdagangan dan Perakaunan. Ini menunjukkan pelajar mengaplikasi apa yang telah dipelajari di dalam kelas semasa aktiviti keusahawanan berlangsung. Kesannya dapat dilihat terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara aktiviti yang dijalankan dan peningkatan pemahaman mereka terhadap subjek yang diajar. Di peringkat pengajian tinggi pula, kajian oleh Mohar et al. (2013) mendapati terdapat hubungan yang positif di antara proses pembelajaran di dalam program yang ditawarkan pada peringkat sarjana muda dan diploma di UNITAR terhadap niat keusahawanan pelajar dan pemilihan kerjaya sebagai usahawan pada masa akan datang. Hafiza (2012) juga mengkaji kesan pembelajaran aktif atau praktikal berbanding kaedah konvensional terhadap 60 pelajar perempuan di sebuah sekolah menengah di Johor. Hasil kajian membuktikan bahawa pembelajaran aktif amat berkesan di dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek dan seterusnya meningkatkan prestasi pelajar dalam subjek tersebut. Dapatkan kajian ini juga seiring dengan hasil kajian oleh Azila et al. (2017) yang mengkaji kesan kursus keusahawanan terhadap 320 orang pelajar di 7 buah kolej komuniti di Selangor yang menunjukkan tahap kemahiran dan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus keusahawanan adalah signifikan serta mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Selain itu kajian oleh Ahmad et al. (2018) untuk mengenalpasti kesan pendidikan keusahawanan pada pelajar kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia membuktikan bahawa pelajar kejuruteraan yang mengambil kursus keusahawanan menunjukkan minat yang lebih mendalam terhadap keusahawanan.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Mogomotsi (2012) untuk melihat keberkesanannya aktiviti keusahawanan terhadap pelajar yang mengambil kursus keusahawanan di dua buah universiti di Botswana mendapati aktiviti tersebut tidak membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan para pelajar. Dapatkan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Fitzsimons (2014) yang mengkaji pelajar universiti yang mengambil kursus Pengurusan Perniagaan di Institut Teknologi Dublin. Hasil kajian menunjukkan para pelajar tidak mempunyai daya pemikiran kreatif dan inovatif serta tidak dapat membuat keputusan yang baik seperti yang diharapkan.

## Metodologi

Kajian ini melibatkan pelajar MDAB yang telah mengikuti aktiviti *MDAB Business Day* anjuran AJK Induk MDAB UiTM Cawangan Pahang pada bulan Oktober 2018 yang lalu. Para pelajar merupakan pelajar pra diploma perdagangan di UiTM Cawangan Pahang. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat adalah seramai 303 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 155 borang soalselidik yang lengkap diisi dan dipulangkan untuk dianalisis. Sepanjang proses menjayakan program *Business Day MDAB* para responden secara tidak langsung telah mempelajari pelbagai perkara berkaitan dengan pengurusan perniagaan dan kewangan bagi sebuah entiti perniagaan. Responden diminta untuk memberikan maklumbalas terhadap kemahiran dan faedah yang diperolehi sepanjang mengendalikan program tersebut sehingga ke penghujungnya. Maklumbalas yang diterima seterusnya dikategorikan untuk proses kemasukan data. Hasil dapatkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS).

## Analisis dan Keputusan

Laporan dapatkan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: (1) Kesan mengikuti aktiviti perniagaan terhadap kemahiran insaniah pelajar, (2) Faedah mengikuti aktiviti perniagaan terhadap pelajar, dan (3) Sebab-sebab aktiviti perniagaan ini perlu diteruskan perlaksanaannya kepada pelajar.

Dapatkan kajian menunjukkan sebahagian daripada pelajar pra diploma ini mengakui bahawa pembelajaran melalui aktiviti perniagaan membantu meningkatkan kemahiran insaniah masing-masing. Ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di mana para pelajar telah memaklumkan 8 kemahiran yang telah diperolehi

sepanjang mengikuti aktiviti perniagaan tersebut. Kemahiran berkomunikasi (33.5%) merupakan kemahiran yang paling utama diperolehi. Kemahiran seterusnya ialah kemahiran pemasaran (25.2%) dan bekerjasama dalam kumpulan (20.0%). Matlamat aktiviti perniagaan itu adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep pengurusan perniagaan serta pengurusan kewangan. Walaupun jumlah pelajar yang memahami konsep pemasaran itu adalah kecil, ia sekurang-kurangnya menunjukkan kesannya kepada sebilagan pelajar yang mengikuti aktiviti tersebut. Dalam Jadual 1 juga ditunjukkan bahawa hanya kemahiran berkomunikasi dan pengurusan masa sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan aktiviti perniagaan dalam kajian ini. Dapatkan ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Badariah et al. (2016), Handy et al. (2015) dan Kim et al. (2013) yang menyatakan bahawa aktiviti perniagaan dapat meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar.

**Jadual 1** Hubungan Antara Aktiviti Perniagaan Dengan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Lain	Ya		Tidak		$\chi^2$	P
	Kekerapan	%	Kekerapan	%		
Pengurusan Wang	17	11.0	138	89.0	0.274	1.197
Pemasaran	39	25.2	116	74.8	0.118	2.444
Berkomunikasi	52	33.5	103	66.5	0.000*	16.886
Bekerjasama	31	20.0	124	80.0	0.072	3.236
Pengurusan Masa	7	4.5	148	95.5	0.013*	6.173
Keyakinan Diri	8	5.2	147	94.8	0.580	0.306
Penyesuaian Diri	8	5.2	147	94.8	0.580	0.306
Membuat Keputusan	5	3.2	150	96.8	0.069	3.317

\*Signifikan P< 0.05

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara aktiviti perniagaan dengan faedah yang diperolehi pelajar. Terdapat 10 faedah yang telah dikenalpasti hasil dari penglibatan pelajar dalam aktiviti perniagaan tersebut. Antara kekerapan yang paling tinggi ialah faedah ilmu perniagaan (53.5%) dan kemahiran bersosial (43.9%). Ini menunjukkan bahawa pembelajaran melalui aktiviti perniagaan turut memberikan faedah kepada pelajar walaupun faedah yang signifikan hanyalah satu iaitu membentuk pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Sejajar dengan Chynette (2005) yang menekankan tentang peningkatan kemahiran insaniah melalui aktiviti perniagaan, keperluan untuk meningkatkan jumlah jualan dan mendapatkan untung secara tidak langsung menyebabkan responden mengenepikan rasa malu serta meningkatkan sikap yakin diri bagi mencapai matlamat tersebut.

**Jadual 2** Hubungan Antara Aktiviti Perniagaan Dengan Faedah Yang Diperolehi Pelajar

Faedah	Ya		Tidak		$\chi^2$	P
	Kekerapan	%	Kekerapan	%		
Berani Ambil Risiko	6	3.9	149	96.1	0.186	1.752
Berkeyakinan Tinggi	29	18.7	126	81.3	0.045*	4.029
Ilmu Perniagaan	83	53.5	72	46.5	0.569	0.324
Disiplin	12	7.7	143	92.3	0.194	1.687
Kemahiran bersosial	68	43.9	87	56.1	0.063	3.453
Memahami Kelemahan dan Kelebihan Diri	4	2.6	151	97.4	0.156	2.009
Teknik Promosi	16	10.3	139	89.7	0.787	0.073
Teknik Berkomunikasi	23	14.8	132	85.2	0.123	2.373
Pendedahan kepada Dunia Perniagaan	21	13.5	134	86.5	0.484	0.490
Memupuk Minat Berniaga	7	4.5	148	95.5	0.903	0.015

\*Signifikan P< 0.05

Jadual 3 pula menunjukkan sokongan pelajar terhadap kelangsungan kaedah pembelajaran luar bilik kuliah bagi kedua-dua kod kursus yang dinyatakan sebelum ini. Ini didasari oleh beberapa sebab yang dinyatakan dalam maklumbalas soalselidik iaitu kaedah tersebut dapat memberikan pengalaman bermiaga secara praktikal kepada pelajar. Kaedah tersebut juga turut memberi ruang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran insaniah yang diperlukan, mengisi masa lapang, mempelajari ilmu perniagaan dan memupuk minat terhadapnya serta menggalakkan penglibatan dalam kerja-kerja kebajikan. Berdasarkan paparan dalam Jadual 3

juga, terdapat hubungan yang signifikan antara aktiviti perniagaan di luar bilik kuliah dengan memupuk minat pelajar terhadap perniagaan. Minat terhadap sesuatu bidang boleh merangsang niat untuk terlibat dalam tersebut. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan kajian Mohar et al. (2013) yang mengaitkan tentang niat dan pemilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar yang mengambil kursus perniagaan.

**Jadual 3** Faktor Penyebab Perlunya Kaedah Pembelajaran Luar Bilik Kuliah

Sebab		Ya		Tidak		$\chi^2$	P
		Kekerapan	%	Kekerapan	%		
Pengalaman Berniaga	Praktikal	38	24.5	117	75.5	0.331	0.943
Kemahiran Insaniah		62	40.0	93	60.0	0.109	2.567
Aktiviti Bermanfaat Masa Lapang	Isi	3	1.9	152	98.1	0.795	0.068
Ilmu Pengurusan Perniagaan		51	32.9	104	67.1	0.194	1.684
Memupuk Minat Dalam Perniagaan		40	25.8	115	74.2	0.049*	3.862
Menggalakkan Kebajikan	Kerja	1	.6	154	99.4	0.406	0.689

\*Signifikan P< 0.05

## Kesimpulan

Dalam perlaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar, setiap pensyarah perlu bertindak sebagai seorang fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Pensyarah juga perlu mempunyai kepekaan dan persepsi yang tepat terhadap keperluan pelajar serta bijak menggunakan bahan bantu mengajar belajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar sejajar dengan objektif pengajaran pembelajaran yang ditetapkan. Kaedah pembelajaran yang menggabungkan aspek teori dan praktikal merupakan satu strategi yang dapat menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Ia bukan sahaja memberi ruang untuk meningkatkan kefahaman terhadap pembelajaran malah turut membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Justeru itu, kesinambungan dalam mewujudkan aktiviti praktikal bagi kursus-kursus yang berasaskan teori adalah perlu untuk membantu para pelajar memahami dan memperolehi hasil pembelajaran dengan lebih baik.

## Rujukan

- Abdul S. A. (2012). Pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar: Perspektif dan cabaran melalui <http://eprints.ums.edu.my/4584/1/nc000001801.pdf> pada 11 Disember 2018.
- Ahmad Firdaus A.H., Mohd. K.J., & Dayana F.A.(2016). Mengenalpasti kesan pendidikan keusahawanan pada pelajar kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia melalui [http://eprints.utm.my/id/eprint/61521/1/MohdKhataJabor2014\\_MengenalPastiKesanPendidikanKeusahawanan\\_an.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/61521/1/MohdKhataJabor2014_MengenalPastiKesanPendidikanKeusahawanan_an.pdf) pada 11 Disember 2018.
- Atara, S., Roberta W.L, Chi-ching, W., & David K. (2000). An implementation of active learning and its effect on the quality of student learning. *Innovations in Education and Training International*, 37(4), 381-389.
- Azila, B., Nurul H.S. & Isrul H.I. (2017). Impak kursus digital entrepreneurship kepada pelajar kolej komuniti Wilayah Selangor melalui <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/teknologimaklumat/01-AZILA-BAHARUDDIN.pdf> pada 10 Disember 2018.
- Badariah, D., Abdul R.A., & Mariana, U. (2016). The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224(2016), 117-123.
- Brown, C. (1999). Teaching new dogs new tricks: The rise of entrepreneurship education in graduate schools of business. *DIGEST*, 99(2), 1-4.
- Chiu P.H.P., & Cheng S.H. (2017). Effects of active learning classrooms on student learning: A two-year empirical investigation on student perceptions and academic performance. *Higher Education Research & Development*, 36(2), 269-279.
- Chynette N. (2005). Integrating soft skills through active learning in the management classroom. *Journal of* <https://gadingss.learningdistance.org> eISSN: 2600-7568 | 115

- College Teaching & Learning*, 2(4), 1-6.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Fitzsimons M. (2014). Engaging students' learning through active learning. *Irish Journal of Academic Practice*, 3(1), 1-26.
- Fredricks, J. A. (2014). *Eight myths of student disengagement: Creating classrooms of deep learning*. Los Angeles: Corwin.
- Hafiza M N. (2012). Keberkesanan pembelajaran aktif terhadap pencapaian pelajar perempuan dalam biologi didapati melalui [http://eprints.uthm.edu.my/4219/1/HAFIZA\\_BINTI\\_MD\\_NASIR.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/4219/1/HAFIZA_BINTI_MD_NASIR.pdf) pada 11 Disember 2018.
- Handy, S.A., & Polimeni, R.S. (2015). Engaging students--use of active learning activities to enhance student learning in an introductory managerial accounting course. *Journal of Applied Research for Business Instruction*, 13(3), 1-8.
- Heather B. & Robin B. (2017). Applying enterprise: Active learning environments for business Higher National Diploma students. *Journal of Further and Higher Education*, 42(5), 649-661.
- Jusoh, N. & Ramli, J. (2011). Hubungan antara sikap, konsep kendiri, motivasi dan fokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan tiga kelas aliran agama di sekolah didapati melalui <http://merr.utm.my/7158/>
- Kementerian Pengajian Tinggi [KPT]. (2006). *Dasar pembangunan keusahawanan* melalui <http://jpt.mohe.gov.my/index.php/pelajar/graduan/dasar-pembangunan-keusahawanan> pada 11 Disember 2018.
- Kim, K., Sharma P. L., Susan M., & Furlong K.P. (2013). Effects of active learning on enhancing student critical thinking in an undergraduate general science course. *Innovative Higher Education*, 38(3), 223-235.
- Mogomotsi L., Edward R., & Peter R. (2012). The effectiveness of entrepreneurship education: What matters most? *African Journal of Business Management*, 6(51), 12023-12032.
- Mohar Yusofleilanie M.N., Ainon Jauhariah A.S., & Rahayu T. (2012). Proses pembelajaran dan hubungannya dengan keputusan kerjaya pelajar untuk menjadi usahawan: kajian ke atas pelajar-pelajar bacelor dan diploma di Universiti Tun Abdul Razak melalui <http://www.academia.edu/4643683/PROSES PEMBELAJARAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEPUTUSAN KERJAYA PELAJAR UNTUK MENJADI USAHAWAN KAJIAN KE ATAS PELAJAR-BACELOR DAN DIPLOMA DI UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK> pada 10 Disember 2018.
- Mohd Razali, S.N.A. (2015). Pencapaian kursus matematik atau statistik di kalangan pelajar UTHM: Punca kelemahan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih diminati. In: Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Kali Ke-2 2015, The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban, 19-20 Oktober 2015 (pp. 339-361). Seremban, Malaysia: Penerbit UTHM.
- Prince, M. (2004). Does active learning work? A review of the research. *Journal of Engineering Education*, 93(3), 223-231.
- Shahabuddin H., Rohizani Y., & Mohd. Z.A. (2003). *Pedagogi 1: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sivan, A., Wong, R., Woon, C. & Kemper, D. (2000). An implementation of active learning and its effect on the quality of student learning. *Innovations in Education and Training International*, 37 (40), 381-390.
- Snyder, K. (2003). Ropes, poles, and space: Active learning in business education. *Active Learning in Higher Education*, 4(2), 159-167.
- Suraiya I., Ahmad R. C., Fahruddin M.B., & Lokhman H.O. (2018). Amalan pembelajaran dan kesannya terhadap pembentukan pengetahuan serta kemahiran perniagaan dalam kalangan Generasi Z. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 15-28.